

Faktor-faktor yang Mempengaruhi Niat Berwakaf Tunai Melalui Skim Potongan Gaji di Malaysia

Factors Influencing the Intention of Cash Waqf Contribution Through Salary Deduction Schemes in Malaysia

Razali Jusoh^{1*} & Hamidah Mat²

¹*Faculty of Social Sciences and Humanities, Open University Malaysia, 15200 Kota Bharu, Kelantan, Malaysia*

²*Faculty of Social Sciences and Humanities, Open University Malaysia, 47301 Petaling Jaya, Selangor, Malaysia*

*Corresponding author: razali_jusoh@oum.edu.my

ABSTRAK

Wakaf ialah sistem pengagihan manfaat harta sama ada harta kekal atau harta boleh diubah. Pelaksanaan wakaf telah terbukti dapat meningkatkan kesejahteraan sosial masyarakat Muslim, terutamanya di Malaysia. Namun, amalan wakaf tunai melalui potongan gaji masih kurang dilaksanakan. Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti faktor-faktor yang mempengaruhi amalan wakaf tunai melalui skim potongan gaji. Kajian ini merangkumi tinjauan komprehensif terhadap kajian-kajian terdahulu. Data yang dikumpulkan dianalisis secara tematik dan diuraikan secara deskriptif. Teori yang digunakan termasuk *Theory of Reasoned Action (TRA)* dan *Theory of Planned Behavior (TPB)*, serta konsep niat menurut perspektif Islam. Hasil kajian menunjukkan empat konstruk utama yang mempengaruhi niat wakaf tunai melalui potongan gaji, iaitu pengetahuan, kepercayaan, norma subjektif, dan keagamaan. Kefahaman terhadap konstruk ini penting untuk meningkatkan sumbangan masyarakat Malaysia terhadap wakaf tunai. Oleh itu, usaha bersungguh-sungguh perlu dilakukan untuk meningkatkan kesedaran dan sokongan terhadap sistem potongan gaji untuk wakaf tunai.

Kata Kunci: Wakaf Tunai, Keagamaan, *Theory of Reasoned Action (TRA)*, *Theory of Planned Behavior (TPB)*

Received:
April 28, 2024

Accepted:
June 6, 2024

**Online
Published:**
June 27, 2024

ABSTRACT

Waqf is a system of distributing benefits from wealth, whether permanent or changeable. The practice of waqf has been proven to enhance the social welfare of Muslim communities, particularly in Malaysia. However, the practice of cash waqf through salary deductions is still underutilized. This study aims to identify the factors influencing the practice of cash waqf through salary deduction schemes. The research includes a comprehensive review of previous studies. Data collected is thematically analyzed and described descriptively. The theories employed include the Theory of Reasoned Action (TRA) and the Theory of Planned Behavior (TPB), along with the concept of intention from an Islamic perspective. The study results indicate four main constructs influencing the intention for cash waqf through salary deductions: knowledge, belief, subjective norms, and religiosity. Understanding these constructs is crucial to increase Malaysian society's contribution to cash waqf. Therefore, sincere efforts are needed to raise awareness and support for salary deduction systems for cash waqf.

Keywords: *Cash waqf, Religiosity, Theory of Reasoned Action (TRA), Theory of Planned Behavior (TPB)*

PENGENALAN

Wakaf merupakan salah satu bentuk sumbangan dalam Islam di mana individu Muslim memberikan harta untuk tujuan kebajikan (Abu Zahrah, 1959). Ia bertujuan mendekatkan diri kepada Allah SWT serta meraih keredaan dan pahala yang berkekalan (Abu Zahrah, 1959; Al-Zarqa, 1998; Al-Zuhayli, 1987). Wakaf mempunyai dua dimensi utama: ibadat, yang menggariskan hubungan manusia dengan Allah SWT, dan muamalat, yang menegakkan hubungan antara manusia. Nilai-nilai seperti persaudaraan, kasih sayang, kerjasama, dan tolong menolong menjadi asas kepada wakaf (Sulaiman, 2008) dengan matlamat untuk mencapai kebaikan yang berkekalan dalam kalangan masyarakat (Al-Zarqa, 1998; Sabri, 2008; Kahf, 2003).

Apabila seseorang mewakafkan hartanya, secara tidak langsung, pemilikan harta tersebut diserahkan kepada Allah SWT dan manfaatnya digunakan untuk kepentingan manusia (Qadri, 1963). Pemegang amanah (*Mutawalli*) bertanggungjawab memastikan harta wakaf tersebut diurus dengan baik supaya manfaatnya terus dinikmati oleh penerima manfaat sebagaimana yang diinginkan oleh pewakaf. Ini selaras dengan tujuan utama wakaf, iaitu memastikan pembangunan sosial dan ekonomi yang mampan, manfaat dapat dinikmati oleh segenap lapisan generasi serta berperanan sebagai solusi terhadap masalah kemiskinan (Sadeq, 2002; Ahmed, 2004).

Perkembangan semasa telah membawa kepada munculnya pelbagai bentuk aset wakaf baharu, termasuk wakaf tunai. Wakaf tunai melibatkan penggunaan wang tunai sebagai aset wakaf (Sayin et al. 2006; Osman et al. 2012; Mat Hassan, 2015) serta pengagihan manfaatnya untuk kepentingan umum (Mohsin, 2009). Keistimewaan wakaf tunai adalah fleksibiliti dan kemudahan pengurusan berbanding aset fizikal. Ia lebih mudah diakses oleh pelbagai lapisan

masyarakat dan menjadi pilihan utama masyarakat masa kini (Zam Ahmad, 2007; Hilmi, 2012; Othman, 2013). Namun begitu, manfaat daripada wakaf tunai tidak diperolehi secara langsung tetapi melalui hasil daripada pelaburan yang dilakukan. Manakala elemen kekal boleh direalisasikan dengan menukar wang tunai kepada aset kekal yang boleh diwakafkan. Langkah ini juga membantu melindungi risiko penurunan nilai aset wakaf kesan daripada inflasi dan kemerosotan ekonomi (Abdul Rahim et al. 2016).

Di Malaysia, pelaksanaan wakaf tunai telah menunjukkan perkembangan yang positif hasil inisiatif daripada Majlis Agama Islam Negeri-negeri (Othman, 2015; Mohamad Suhaimi & Ab Rahman, 2017). Menurut Ali Hamdan dan Mahamood (2016), tanggungjawab dan peranan Majlis Agama Islam Negeri dalam perkara perwakafan termasuklah menyusun perletakkan aset wakaf, mengendalikan pindah milik aset wakaf, mendaftar serta merekodkan serta memastikan pemeliharaan, pembangunan dan peningkatan penghasilan aset wakaf sejajar dengan niat pewakaf.

Objektif utama wakaf tunai adalah untuk memajukan aset wakaf yang sedia ada, mewujudkan aset wakaf baharu, menghidupkan semula institusi wakaf sebagai amalan sedekah yang ditekankan dalam agama Islam, menyediakan dana kewangan dan bertindak sebagai pemangkin pembangunan sosioekonomi umat Islam (Othman, 2015; Bahari, 2012). Menurut Sudarsono (2003), sumbangan wakaf tunai dari masyarakat diperlukan bertujuan memperluaskan dana tabungan sosial, yang boleh dijadikan sebagai modal sosial untuk menyokong perkembangan pasaran modal sosial. Langkah ini bertujuan untuk meningkatkan pelaburan sosial, mentransformasikan kekayaan dari golongan kaya kepada golongan miskin dan generasi akan datang, mencipta kesedaran dalam kalangan masyarakat untuk meningkatkan tanggungjawab sosial serta menghasilkan keharmonian dan kesejahteraan bersama.

Namun, perhatian masyarakat terhadap wakaf tunai masih lagi rendah, mengakibatkan kekurangan dana untuk membiayai projek-projek yang memberi impak tinggi kepada masyarakat (Bahari, 2015; Alias, 2011). Kekurangan dana ini menghalang pelaksanaan pelbagai projek pembangunan yang dirancang (Manat, 2007), menyebabkan banyak harta wakaf terbiar dan tidak dimanfaatkan dengan optimum. Keadaan ini tidak hanya menjejaskan niat pewakaf untuk mendapatkan pahala yang berterusan, malah mengakibatkan harta tersebut tidak berdaya maju, berlakunya pembaziran dan membawa kepada kelemahan ekonomi masyarakat Islam.

Dalam konteks ini, memahami faktor-faktor yang mempengaruhi niat berwakaf tunai melalui skim potongan gaji sebagai mekanisme baharu adalah penting untuk meningkatkan penyertaan dan sumbangan masyarakat terutamanya kakitangan kerajaan terhadap wakaf tunai. Ini termasuk mengenal pasti faktor-faktor seperti pengetahuan, keagamaan, kepercayaan dan norma subjektif dalam mempengaruhi niat terhadap keputusan individu untuk berwakaf melalui skim ini. Skim potongan gaji menawarkan cara yang sistematik dan konsisten untuk menyumbang kepada wakaf, dengan potensi untuk meningkatkan jumlah dana yang terkumpul dan seterusnya membiayai lebih banyak projek pembangunan yang memberi manfaat kepada masyarakat. Malah kerajaan juga turut memberikan pengecualian cukai kepada penderma wakaf tunai bagi menggalakkan lebih banyak sumbangan.

PENYATAAN MASALAH

Pelbagai institusi wakaf di Malaysia telah menerapkan konsep wakaf tunai dan menggalakkan penggunaan wang tunai sebagai cara untuk berwakaf serta dengan sokongan keputusan Majlis Fatwa Kebangsaan yang mengharuskan berwakaf tunai. Namun penglibatan masyarakat dalam melaksanakan sumbangan wakaf tunai masih kekal rendah dan belum mencapai sasaran yang diinginkan, seperti yang ditegaskan oleh Zakaria dan Muda (2017) dan disokong oleh Kamaruddin (2021). Data dari Yayasan Wakaf Malaysia pada tahun 2019 juga menunjukkan bahawa jumlah dana wakaf tunai yang terkumpul masih di bawah RM100,000.00.

Potensi pengumpulan sumbangan wakaf tunai di Malaysia cukup besar. Menurut Mohamad Suhaimi dan Ab Rahman (2017) jika diandaikan jumlah penduduk Islam di Malaysia 28.3 juta orang, jumlah masyarakat yang beragama Islam adalah 61.3 peratus dengan mengambil kira pendapatan isi rumah berdasarkan jumlah penyumbang wakaf yang berpotensi dengan perkadaran 20 peratus daripada kumpulan berpendapatan tinggi. Manakala 40 peratus daripada kumpulan berpendapatan sederhana dan 40 peratus daripada kumpulan berpendapatan rendah, maka dianggarkan jumlah wakaf tunai dapat dikumpulkan dalam tempoh sebulan ialah RM24.29 juta atau RM291.48 juta dalam tempoh satu tahun. Walaupun mempunyai potensi kutipan wakaf tunai yang tinggi tetapi sumbangan dan sambutan masyarakat Islam terhadap wakaf tunai masih rendah.

Malahan kenyataan oleh Ketua Setiausaha Kerajaan Malaysia menyebut bahawa sambutan wakaf tunai dalam kalangan penjawat awam juga adalah sangat kurang (Ali, 2021). Sehingga Julai 2022 seramai 6,616 penjawat awam telah berwakaf tunai melalui potongan gaji. Manakala potongan yang aktif hanya melibatkan 2,075 penjawat awam jika dibandingkan dengan jumlah penjawat awam seramai 1.6 juta orang. Jumlah ini hanya merupakan 0.13 peratus daripada jumlah 1.6 juta penjawat awam yang berkhidmat pada masa kini. Untuk mencapai hasrat tersebut, beliau menyeru penjawat awam untuk menyertai wakaf tunai melalui potongan gaji menerusi Yayasan Wakaf Malaysia atau Majlis Agama Islam di setiap negeri, seiring dengan Pekeliling Am Bil. 1 Tahun 2020 yang memberi insentif wakaf melalui potongan cukai di bawah Akta Cukai Pendapatan 1967.

Pendapat yang sama juga dinyatakan oleh Pengerusi *CUEPACS*, Adnan Mat, mengenai kepentingan penglibatan penjawat awam dalam memperkasa instrumen wakaf sebagai aspek yang penting dalam memperkukuh kesejahteraan sosioekonomi rakyat, tanpa mengira perbezaan bangsa dan agama. Tindakan yang dilaksanakan oleh kerajaan menerusi Pekeliling Am Bilangan 1 Tahun 2020 yang membolehkan potongan gaji secara sukarela bagi wakaf tunai oleh penjawat awam di peringkat negeri mahupun persekutuan, dianggap sebagai satu fasiliti yang seharusnya dimanfaatkan. Beliau menjelaskan sekiranya 1.6 juta penjawat awam berwakaf tunai purata sepuluh ringgit sebulan pada setiap bulan, ini akan menghasilkan jumlah dana wakaf terkumpul sebanyak RM192 juta setahun, hanya melalui sumbangan penjawat awam sahaja (Mohd Sanusi, 2021).

Malahan mantan Perdana Menteri Malaysia, Tan Sri Muhyiddin Yasin turut menegaskan kepentingan aset wakaf negara dan tabungan dana wakaf perlu ditingkatkan. Ekoran dari itu, beliau mencadangkan alternatif untuk dipertimbangkan oleh kerajaan bagi mendorong penjawat awam berwakaf tunai melalui potongan gaji secara berkala. Di samping itu, beliau mengharapkan semua pihak terutama ketua setiausaha kementerian, jabatan, serta agensi

peringkat persekutuan turut berperanan bagi menjayakan usaha ini (<https://www.sinarharian.com.my>)

Skim potongan gaji berwakaf tunai adalah satu cara di mana individu atau pekerja dapat menyumbangkan secara berterusan untuk tujuan kebajikan tanpa perlu melakukan tindakan berasingan setiap kali. Ia memudahkan proses penyumbangan dan membolehkan wakaf tunai berkembang dengan lebih berkesan. Pada 14 Disember 2020, Kerajaan telah mengeluarkan Pekeliling Am Bilangan 1 Tahun 2020 yang menetapkan prosedur untuk melaksanakan sumbangan wakaf tunai melalui potongan gaji bagi penjawat awam yang bertugas di Wilayah Persekutuan dan negeri. Tujuannya adalah untuk memberitahu Ketua Jabatan serta para pegawai awam mengenai pelaksanaan sumbangan tersebut. Justifikasi utama bagi penerbitan pekeliling ini merujuk kepada keputusan Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Kali ke-77 yang berlangsung pada 10 hingga 12 April 2007, yang mengesahkan berwakaf dalam bentuk wang tunai adalah menurut prinsip-prinsip Islam. Pelaksanaan pekeliling ini adalah untuk memastikan penjawat awam boleh menunaikan ibadat berwakaf disamping meningkatkan bilangan pewakaf dalam kalangan penjawat awam dan kutipan yang dilakukan secara potongan gaji setiap bulan. Hal ini turut dapat membantu pembangunan sosioekonomi ummah dan mereka yang kurang berkemampuan (Pekeliling Am Bil. 1 Tahun 2020).

Sehingga kini, antara institusi wakaf yang telah mendapat kelulusan pelepasan cukai oleh Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) adalah Yayasan Wakaf Malaysia (YWM) dan Perbadanan Wakaf Selangor (PWS) (Portal Rasmi YWM dan PWS). Manakala Majlis Agama Islam Kelantan (MAIK) merupakan Majlis Agama Islam Negeri pertama yang memperolehi kelulusan pelepasan cukai oleh LHDN, di mana tempoh pelaksanaannya bermula pada 1 Ogos 2023. Menurut Yang Dipertua MAIK, dengan kelulusan yang diberikan oleh pihak LHDN ini, semua pihak diharap dapat bersama-sama memberi galakan kepada kakitangan di jabatan masing-masing untuk membuat potongan gaji bagi sumbangan wakaf tunai MAIK (Portal Rasmi MAIK). Sehingga ini terdapat beberapa lagi MAIN yang dalam proses untuk mendapatkan pelepasan cukai daripada pihak LHDN.

Meskipun terdapat fasiliti potongan gaji dan pengecualian cukai pendapatan, namun tahap amalan wakaf tunai melalui potongan gaji dalam kalangan masyarakat Malaysia, terutamanya penjawat awam masih belum mencapai tahap yang memuaskan. Oleh itu, amat penting untuk mengidentifikasi apakah faktor yang boleh mempengaruhi niat berwakaf tunai melalui potongan gaji terutamanya dalam kalangan penjawat awam yang memiliki kestabilan pendapatan bulanan. Penemuan ini boleh membantu dalam menyediakan maklumat yang diperlukan kepada institusi wakaf mengenai faktor yang mempengaruhi keinginan penjawat awam berwakaf melalui potongan gaji. Di samping itu dapat membantu dalam meningkatkan kutipan wakaf tunai dalam kalangan masyarakat Islam di Malaysia.

Dalam usaha menggalakkan amalan berwakaf tunai melalui skim potongan gaji, beberapa kajian telah dijalankan untuk mengenal pasti faktor-faktor yang mempengaruhi niat dan tingkah laku pekerja Muslim terhadap sumbangan wakaf tersebut. Dua kajian utama yang mengaplikasikan *Theory of Reasoned Action (TRA)* dan *Theory of Planned Behavior (TPB)* telah dilaksanakan.

Kajian pertama oleh Pitchay et al. (2015) menggunakan *TRA* untuk meneliti elemen-elemen yang mempengaruhi niat pekerja Muslim di Selangor dalam menyumbang wakaf tunai melalui potongan gaji. Dapatan kajian menunjukkan bahawa sikap dan norma subjektif

memainkan peranan penting dalam membentuk niat tersebut, dengan sikap mempunyai pengaruh yang lebih besar berbanding norma subjektif.

Sementara itu, kajian kedua oleh Nurul Huda et al. (2022) mengaplikasikan *TPB* untuk mengkaji faktor-faktor yang mempengaruhi tingkah laku pekerja Muslim di Indonesia dalam berwakaf tunai melalui potongan gaji, dengan niat berperanan sebagai perantara. Kajian ini menambah pemboleh ubah baharu seperti kepercayaan, keagamaan, dan pengetahuan selain daripada sikap. Hasilnya, sikap, keagamaan, dan kepercayaan didapati mempengaruhi niat berwakaf tunai melalui potongan gaji, manakala pengetahuan tidak mempengaruhi niat tersebut. Namun, niat secara signifikan mempengaruhi tingkah laku berwakaf tunai melalui potongan gaji.

Kedua-dua kajian ini mencadangkan keperluan untuk kajian yang lebih menyeluruh bagi mengenal pasti konstruk-konstruk lain yang berpotensi mempengaruhi niat dan tingkah laku sumbangan wakaf tunai melalui skim potongan gaji. Pemahaman yang lebih holistik dalam aspek ini dapat membantu usaha-usaha meningkatkan penyertaan pekerja Muslim dalam skim wakaf tunai yang semakin popular pada masa kini.

SOROTAN LITERATUR

Hubungkait *Theory of Reasoned Action* dan *Theory of Planned Behavior* dengan Konsep Niat Berdasarkan Perspektif Islam


Niat merupakan faktor yang digunakan untuk menilai kebarangkalian tingkah laku pada masa akan datang (Kleisiari et al., 2021). Niat dipengaruhi oleh beberapa faktor yang didasarkan kepada pelbagai teori. Kajian ini memilih *Theory of Reasoned Action* dan *Theory of Planned Behavior* kerana banyak digunakan oleh kajian-kajian sebelum ini.

Theory of Reasoned Action

Fishbein dan Ajzen (1975) telah memperkenalkan *Theory of Reasoned Action*, yang menganggap bahawa manusia memiliki kendali penuh terhadap tindakan yang mereka lakukan dalam sesuatu hal. Teori ini berpendapat bahawa tingkah laku seseorang ditentukan oleh niat, yang merupakan faktor utama untuk meramalkan tingkah laku. Rajah 1 di bawah menunjukkan kerangka teoretikal *Theory of Reasoned Action* yang mengaitkan sikap dan norma subjektif dengan niat dan tingkah laku.

Rajah 1

Theory of Reasoned Action




Untuk memahami mengapa seseorang bertindak, teori ini memperkenalkan dua faktor yang memengaruhi niat individu untuk melakukan suatu tindakan, yaitu sikap terhadap tindakan itu sendiri dan norma subjektif yang mungkin mempengaruhi keputusan mereka (Ajzen & Fishbein, 1980). Sikap mencerminkan penilaian individu terhadap kebaikan atau keburukan suatu tindakan, sementara norma subjektif melibatkan persepsi individu terhadap tekanan sosial untuk bertindak atau tidak bertindak sesuai dengan tindakan tersebut (Ajzen, 1991). Teori ini telah banyak diterapkan dalam berbagai studi, termasuk dalam konteks wakaf seperti yang dilakukan oleh Ramayah et al. (2009), Razak dan Abduh (2012), Pitchay et al. (2015), Duasa dan Thaker (2016), Kasri dan Ramli (2019), Afroz et al. (2019), Ab Shatar et al. (2020), Abdul Razak et al. (2021), Ratna Dewi et al. (2022), Masrizal et al. (2023) serta penelitian lainnya, untuk menilai niat individu dalam perilaku tertentu.

Theory of Planned Behavior

Manakala *Theory of Planned Behavior* merupakan evolusi daripada *Theory of Reasoned Action* dengan tambahan satu konstruk baharu, iaitu persepsi terhadap kawalan tingkah laku, yang dimasukkan ke dalam teori ini. Konstruk kawalan tingkah laku ini diperkenalkan untuk mengatasi situasi di mana individu tidak memiliki kawalan sepenuhnya terhadap suatu tingkah laku. Teori ini dirumuskan untuk meramalkan dan menjelaskan perilaku manusia dalam konteks tertentu (Ajzen, 1991). Rajah 2 menunjukkan kerangka teoretikal *Theory of Planned Behavior* yang mengaitkan sikap, norma subjektif, dan persepsi kendali perilaku dengan niat serta perilaku individu.

Rajah 2

Theory of Planned Behavior



Teori ini mengenal pasti tiga faktor yang mempengaruhi niat dalam bertindak, iaitu sikap terhadap tindakan tertentu, norma subjektif, dan persepsi terhadap kendali perilaku. Sikap merujuk kepada kecenderungan atau ketidacenderungan seseorang dalam menilai suatu hal. Norma subjektif, di sisi lain, adalah pengaruh dari persekitaran atau masyarakat yang mempengaruhi apakah seseorang akan bertindak atau tidak. Persepsi terhadap kendali perilaku mengacu pada tanggapan individu terhadap pengalaman masa lalu dan antisipasi mereka terhadap halangan dan rintangan yang mungkin mereka hadapi (Ajzen, 1991).

Berdasarkan *Theory of Planned Behavior*, ada empat aspek yang menunjukkan pentingnya niat dalam membentuk perilaku, iaitu: pertama, niat bertindak sebagai mediator antara faktor-faktor motivasi yang memiliki kesan yang signifikan pada perilaku. Kedua, kekuatan niat mencerminkan sejauh mana seseorang bersedia untuk bertindak; semakin kuat niatnya, semakin besar kemungkinan perilaku itu akan dilakukan. Ketiga, niat juga mencerminkan

sejauh mana seseorang berupaya untuk bertindak; semakin tinggi usahanya, semakin besar kemungkinan perilaku tersebut akan dilakukan. Keempat, niat merupakan faktor yang paling dekat terkait dengan perilaku yang akan dilakukan seterusnya.

Menurut *Theory of Planned Behavior*, perilaku seseorang juga dipengaruhi oleh keyakinan yang relevan terhadap perilaku tersebut. Keyakinan ini dapat diklasifikasikan menjadi tiga kategori, yaitu: pertama, keyakinan tentang perilaku yang mempengaruhi sikap terhadap perilaku tersebut. Kedua, keyakinan normatif yang menjadi penentu bagi norma subjektif. Dan ketiga, keyakinan tentang kendali yang menjadi dasar bagi persepsi terhadap kendali perilaku.

Dengan demikian, dapat disimpulkan bahawa *Theory of Planned Behavior* menekankan pada rasionaliti perilaku manusia dan juga keyakinan bahawa tujuan perubahan perilaku terletak dalam kendali kesedaran individu. Oleh kerana itu, *Theory of Planned Behavior* sering digunakan oleh peneliti dalam pelbagai bidang seperti pemasaran dan konsumsi, termasuk dalam konteks wakaf, untuk meneliti faktor-faktor yang mempengaruhi niat perilaku seseorang dalam memilih produk atau perkhidmatan yang ditawarkan.

Konsep Niat Berdasarkan Perspektif Islam

Menurut perspektif Islam, niat adalah pendorong awal yang menggerakkan kehendak untuk bertindak, sebagaimana diungkapkan oleh Al-Ghazali (2000), yang kemudian menggerakkan anggota untuk bertindak. Dalam terminologi ulama seperti Al-Munawiy (1972), Al-Suyuthiy (1995), Ibnu Hajar (1997), dan Al-Zuhayli (2007), niat didefinisikan sebagai tekad yang disertai kesedaran dan tujuan yang disengaja, dengan harapan mendapatkan keredaan Allah.

Konsep niat terhadap tingkah laku menurut persektif Islam boleh dilihat dari pelbagai sumber iaitu Al-Quran, hadith, pandangan ilmuan Islam dan juga dari sudut syarak. Menurut Al-Qaradawi (2015), Al-Quran menyatakan niat dalam pelbagai makna, seperti "*iradah al-akhirat*" (mencari keredhaan Allah) atau "*ibtigha' wajhah*" (mencari wajah-Nya) atau "*ibtigha mardatih*" (mencari keredaan-Nya).

Hadith riwayat hadith oleh Imam al-Bukhari menjelaskan dengan erti:

"Bahawa sesungguhnya setiap amalan itu bergantung kepada niat, dan bahawa sesungguhnya bagi setiap orang apa yang dia niatkan. Barang siapa yang hijrahnya menuju kepada Allah SWT dan Rasul-Nya, maka hijrahnya menuju kepada Allah SWT dan Rasul-Nya. Barang siapa yang hijrahnya kerana dunia yang dia mahu mencari habuan daripadanya, atau kerana perempuan yang mahu dikahwininya, maka hijrahnya ke arah perkara yang ditujuinya itu"

(Riwayat al-Bukhari, Hadith No.1)

Al-Khuali dalam Ibn Hajar al-Asqalani (2002), menjelaskan bahawa hadith ini menggambarkan betapa luasnya dan beragamnya konsep niat, sebagaimana yang diterangkan oleh Rasulullah SAW. Dalam konteks ini, niat menjadi landasan yang mendasari dan mendorong seseorang dalam melakukan suatu tindakan. Menurut Al-Nawawi (1996), niat adalah faktor kunci yang mempengaruhi terjadinya suatu perbuatan, serta menentukan penerimaan atau penolakan terhadap perbuatan tersebut. Hal ini kerana niat merupakan keputusan yang muncul dari kesedaran hati atau jiwa untuk melakukan suatu tindakan sesuai dengan keinginan individu. Oleh kerana itu, segala perbuatan dilakukan dengan adanya niat,

Menurut Mokhtar (2018), terdapat tiga faktor yang membentuk niat dan tingkah laku, yaitu ilmu, kehendak, dan kemampuan. Proses bermula dengan ilmu, yang kemudiannya memacu kehendak. Namun, kehendak itu sendiri bukanlah niat; niat hanya terbentuk apabila kehendak untuk melakukan perbuatan yang dikehendaki disertai dengan tujuan yang berteraskan tauhid. Niat yang disertai dengan tauhid menjadi niat yang ikhlas, yang mendorong kepada tingkah laku yang patuh kepada syariah serta mendapatkan ganjaran keredaan Allah SWT. Selain itu, niat yang ikhlas haruslah wujud sebelum dan terus berterusan selepas pelaksanaan pemberian wakaf tunai. Tindakan untuk mengungkit pemberian yang telah dilakukan boleh mengakibatkan pembatalan ganjaran pahala yang telah diperolehi sebelumnya (Mokhtar & Bahari 2017).

Perbincangan sebelum ini menghuraikan hubungan antara konsep niat dan teori-teori yang dinyatakan. Dari perspektif Islam, niat dalam tingkah laku dipandang sebagai kehendak yang kuat untuk melaksanakan suatu perbuatan. Oleh itu, niat seseorang menurut Islam haruslah mempertimbangkan dua unsur utama iaitu keredaan Allah SWT dan kepatuhan terhadap hukum syarak. Berbeza dengan konsep niat berasaskan *Theory of Planned Behavior* yang lebih cenderung kepada faktor individu tanpa mengambil kira aspek agama (Syazalie Hirman, 2019). Dalam konteks ini, Syazalie Hirman (2019) mencadangkan agar kajian mengenai niat dalam tingkah laku, terutamanya yang berkaitan dengan orang Islam dalam melaksanakan hukum Islam berdasarkan *Theory of Planned Behavior*, perlu mempertimbangkan kedua-dua elemen tersebut. Sebaliknya, menurut Mokhtar (2019), konsep niat dalam *Theory of Planned Behavior* tidak sepenuhnya memenuhi konsep sebenar niat dalam Islam. Namun demikian, ini tidak bererti konsep tersebut berlawanan, sebab masih termasuk dalam konteks tingkatan niat menurut ajaran Islam.

Faktor Pengaruhi Niat Sumbangan Wakaf Tunai Berasaskan *Theory of Reason Action*

Kajian yang dijalankan oleh Pitchay et al. (2015) meneliti elemen-elemen yang mempengaruhi niat pekerja Muslim untuk memberi sumbangan wakaf tunai melalui potongan gaji. Kajian ini melibatkan 380 pekerja Muslim dari sektor awam dan swasta. Hasil kajian menunjukkan bahawa sikap dan norma subjektif memainkan peranan penting dalam menentukan niat pekerja Islam untuk berwakaf tunai melalui potongan gaji, dengan sikap mempunyai lebih banyak pengaruh berbanding norma subjektif, berdasarkan *Theory of Reason Action*.

Selain itu, Afroz et al. (2019) menjalankan kajian yang bertujuan untuk mencadangkan Model Perlindungan Alam Sekitar Wakaf Bersepadu (IWEP) dan mengenalpasti niat petani untuk mengamalkannya. Kajian ini menjalankan tinjauan terhadap 400 orang petani di Kedah. Niat petani untuk mengamalkan model yang dicadangkan dianalisis dengan memasukkan halangan yang dirasakan dan pemboleh ubah sosioekonomi ke dalam model *Theory of Reason Action*. Hasil daripada kajian ini menunjukkan bahawa norma subjektif adalah positif dan mempunyai impak yang signifikan terhadap niat petani berpendapatan rendah untuk menerima model IWEP. Ini menunjukkan bahawa keputusan petani berpendapatan rendah untuk menerima model IWEP secara signifikan dipengaruhi oleh ahli keluarga, jiran, dan rakan mereka. Selain itu, kesedaran dan halangan yang dirasakan mempunyai impak yang lebih besar terhadap petani yang berusia tua, berpendidikan tinggi, dan berada dalam golongan kaya. Penemuan menunjukkan bahawa petani yang berusia, berpendidikan tinggi, dan berada dalam golongan kaya menyedari perubahan iklim dan mereka menganggap risiko atau halangan terhadap perubahan iklim lebih tinggi. Akibatnya, mereka lebih cenderung untuk mempunyai niat penyesuaian.

Kajian lain oleh Ab Shatar et al. (2020) terhadap 218 warga kerja institusi perbankan Islam di Malaysia menemui bahawa faktor promosi, kepercayaan terhadap institusi, kemudahan yang disediakan, dan aksesibiliti mempunyai hubungan yang signifikan terhadap pengumpulan dana wakaf tunai oleh pekerja tersebut.

Manakala kajian yang dijalankan oleh Abdul Razak et al. (2021) mengenai faktor-faktor yang mempengaruhi kesediaan individu untuk memberikan sumbangan wakaf tunai semasa krisis pandemik Covid-19 di Malaysia menunjukkan bahawa faktor sikap dan norma subjektif memainkan peranan penting dalam membentuk niat rakyat Malaysia terhadap sumbangan wakaf tunai. Hasil kajian tersebut menyoroti kepentingan sumbangan wakaf tunai sebagai alternatif pembiayaan yang penting bagi menangani kesan pandemik Covid-19 terhadap kehidupan individu.

Faktor Pengaruhi Niat Sumbangan Wakaf Tunai Berasaskan *Theory of Planned Behavior*

Kajian oleh Osman et al. (2014) meneliti faktor-faktor penentu niat untuk berwakaf tunai dalam kalangan cendekiawan muda di Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM). Kajian ini melibatkan 300 responden dan mendapati bahawa sikap, norma subjektif, persepsi tingkah laku, dan agama mempunyai hubungan positif dengan niat untuk menyumbang wakaf tunai.

Dalam konteks berbeza, kajian Suyorno et al. (2014) terhadap 200 pekerja di Universiti Teknikal Malaysia Melaka menunjukkan hubungan signifikan antara pengetahuan dan pendapatan dengan niat untuk berwakaf tunai. Namun, faktor sikap tidak menunjukkan hubungan signifikan, menegaskan bahawa pengetahuan dan kemampuan yang mencukupi diperlukan untuk mempengaruhi niat berwakaf.

Johari et al. (2015) pula mengkaji faktor-faktor yang mempengaruhi niat untuk menyumbangkan wakaf tunai semula dengan melibatkan 400 responden dari sektor awam dan swasta di Lembah Klang. Hasil kajian menunjukkan bahawa keagamaan, kebajikan, kebiasaan, dan akses kepada wakaf tunai berkaitan signifikan dengan niat untuk menyumbang wakaf tunai semula, sementara kepercayaan terhadap institusi wakaf tidak memberikan pengaruh signifikan. Majoriti responden bersetuju bahawa faktor keagamaan adalah pertimbangan utama.

Osman et al. (2016) menganalisis faktor-faktor yang mempengaruhi perilaku berwakaf tunai dengan memasukkan konstruk tambahan seperti keagamaan, kepercayaan, dan kualiti perkhidmatan, selain norma subjektif, sikap, dan persepsi kontrol perilaku. Hasil kajian menunjukkan bahawa sikap, norma subjektif, dan kualiti perkhidmatan tidak mempunyai pengaruh signifikan terhadap niat berwakaf tunai. Sebaliknya, faktor kepercayaan, persepsi kontrol perilaku, dan keagamaan terbukti mempunyai pengaruh signifikan. Kajian ini juga menunjukkan hubungan positif antara niat dan perilaku berwakaf tunai.

Yusoff et al. (2017) menguji kesesuaian *Theory of Planned Behavior* dalam meramalkan niat untuk berwakaf tunai dalam kalangan pelajar UiTM kampus Kelantan dan Prince of Songkla University Kampus Patani, Thailand. Dapatan menunjukkan bahawa sikap, norma subjektif, dan persepsi kontrol perilaku mempengaruhi niat untuk berwakaf tunai, memberi implikasi

bahawa usaha meningkatkan penyertaan wakaf tunai seharusnya dimulakan dengan generasi muda.

Kajian oleh Mokhtar (2018) menegaskan adanya korelasi kuat dan signifikan antara faktor seperti kemampuan kewangan, ketersediaan fasiliti, ketundukan kepada agama, pengetahuan, dan solidariti sosial dengan kecenderungan untuk berwakaf tunai di kalangan individu di Pulau Pinang. Hanya kemampuan dan keinginan menunjukkan korelasi langsung dengan pelaksanaan berwakaf tunai, sementara niat berperanan sebagai mediator antara faktor-faktor tersebut dan perilaku berwakaf tunai.

Azizi et al. (2019) menjalankan kajian kes untuk mengkaji faktor-faktor yang mempengaruhi niat individu untuk menyumbang semula wakaf tunai di Majlis Agama Islam Negeri Perak (MAINPk). Hasil kajian menunjukkan bahawa sikap, norma subjektif, persepsi kawalan tingkah laku, dan pengalaman masa lalu memainkan peranan penting dalam membentuk niat berwakaf tunai, dengan hubungan positif dan signifikan antara keagamaan, norma subjektif, persepsi kontrol perilaku, dan sikap terhadap niat berwakaf tunai.

Penelitian oleh Hassan Busry (2020) mengkaji elemen-elemen yang mempengaruhi keinginan pelajar Kolej Universiti Islam Pahang untuk berwakaf tunai. Hasil kajian menunjukkan hubungan positif dan signifikan antara keagamaan, norma subjektif, persepsi kontrol perilaku, dan sikap terhadap niat berwakaf tunai, yang relevan dalam konteks kenaikan yuran pengajian.

